


BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Cara-cara Menghargai Jasa Dan Pengorbanan Guru



Memberikan tumpuan
semasa guru mengajar



Memberikan hadiah
sempena hari guru



Menziarahi guru
yang sakit

BAHAGIAN B

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Teliti semua soalan karangan yang berkait dengan tema yang diberikan di bawah. Kemudian pilih satu daripada tiga soalan tersebut dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

Tema : Keluarga Bahagia

- (i) Anda telah mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan peringkat daerah. Tajuk syarahan anda ialah Ciri-ciri Keluarga Bahagia.

Tuliskan teks syarahan itu selengkapnya.

- (ii) Kebahagiaan dalam rumah tangga dapat diwujudkan daripada sikap yang baik dalam kalangan anak-anak.

Bincangkan sikap yang perlu ada pada anak-anak bagi melahirkan sebuah keluarga yang bahagia.

- (iii) Anak-anak mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap kedua-dua ibu bapa. Terdapat pelbagai cara untuk membahagiakan mereka.

Huraikan pendapat anda tentang cara-cara membahagiakan ibu bapa.

Soalan 2

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis satu rumusan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Tekanan perasaan memang lumrah yang tidak dapat disisihkan oleh sesiapa sahaja sama ada peringkat remaja atau dewasa. Tekanan ialah perkara yang berkaitan dengan ketegangan yang dialami oleh mental atau emosi seseorang yang disebabkan oleh pelbagai faktor.

Kebanyakan remaja yang mengalami tekanan mental berasal daripada keluarga yang bermasalah. Remaja ini tidak diberi peluang dalam keluarga untuk meluahkan perasaan, pandangan, atau masalah mereka malah kebanyakan mereka hanya memendam perasaan. Sekiranya perasaan ini sudah tidak dapat dikawal, remaja tersebut akan cenderung untuk menunjukkan tingkah laku yang kurang menyenangkan lalu bertindak membuta tuli. Ibu bapa yang terlalu menekankan akademik juga menyebabkan remaja mudah mengalami tekanan. Selain itu, penderaan secara fizikal dan mental juga menjadi faktor yang boleh menyebabkan seseorang itu mengalami tekanan. Individu yang pernah didera sama ada dipukul atau diperkosa berkemungkinan besar akan mengalami tekanan. Tidak mustahil juga jika dikatakan bahawa kesihatan emosi setiap insan amat berkait rapat dengan kesihatan mentalnya. Seseorang yang hidup mewah tetapi kurang mendapat perhatian dan kasih sayang juga akan mengalami masalah ini. Mereka ini akan hilang semangat untuk hidup.

Kematian seseorang yang disayangi dan penceraian ibu bapa merupakan antara contoh pengalaman yang boleh memberikan kesan buruk termasuklah tekanan mental kepada seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak dapat menerima hakikat kehilangan orang yang disayanginya. Kesannya, mereka akan diselubungi kesedihan yang berpanjangan lalu membawa kepada tekanan mental dan sakit jiwa. Terdapat juga segelintir remaja yang gagal mencapai keputusan akademik yang diharapkan turut menghadapi situasi yang sama. Mereka akan mengambil keputusan untuk membunuh diri. Kecenderungan untuk mengambil tindakan yang tidak matang ini disokong pula dengan faktor lain seperti sejarah keturunan keluarga. Pakar sakit jiwa membuktikan bahawa tekanan mental boleh dikaitkan dengan keturunan. Jika keluarga ibu atau bapa seseorang itu pernah mengalami tekanan mental yang teruk maka berkemungkinan anak-anak dan generasi seterusnya mudah mengalami tekanan mental.

Sebagai manusia kita perlu kembali kepada fitrah asal kita. Manusia bukan robot atau komputer yang mampu bekerja 24 jam tanpa henti. Manusia dijadikan oleh Allah dengan sifat lahiriahnya, mempunyai akal dan emosi itulah yang perlu dipupuk dan dipelihara supaya menjadi insan yang cemerlang dari segi ilmu dan akhlaknya.

Sumber: Majalah Dewan Siswa